

# 'Boleh protes suarakan pendapat jika tak babit keganasan, ugutan'

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak hilang rakyat mengadakan protes sekiranya dilakukan secara sah tanpa membabitkan keganasan, ugutan dan fitnah, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, rakyat bebas menyuarakan pendapat dan membuat protes tetapi tindakan melampau seperti membakar rumah pemimpin atau menyebarkan fitnah tidak boleh diterima.

"Kita tidak (akan) menghang, tapi mahu protes isu apa? Sedangkan sekarang elau menteri dipotong, gaji menteri tidak ambil, minyak turun, peruntukan kepada rakyat bertambah dan lain-lain sudah di-

umumkan dan kita boleh pertimbangkan dalam belanjawan.

"Tetapi untuk memperoleh semua itu, negara kena aman, kerja kena kuat dan ekonomi kena berkembang," katanya ketika mengulas kemungkinan protes di Indonesia boleh berlaku di Malaysia sekiranya rakyat tidak berpuas hati terhadap kerajaan.

Terdahulu, Anwar menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Bandar Baru Seri Petaling di sini, sebelum menghadiri program Temu Mesra MADANI Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan di masjid sama.

Anwar menegaskan fokus utama kerajaan ialah memastikan negara kekal aman de-

ngan ekonomi terus berkembang serta memastikan pelaburan masuk.

Katanya, jika kestabilan negara terganggu, rakyat juga akan terjejas.

"Tidak ada salah rakyat mengemukakan apa jua pandangan tetapi jangan hingga bakar rumah ketua (pemimpin) ataupun yang membuat tindakan yang melanggar undang-undang.

"Jika itu berlaku, polis ambil tindakan. Ada orang kata ini mengekang kebebasan, itu tidak betul. Begitu juga fitnah, tuduhan kononnya sokong Israel atau jadi ejen Israel, itu semua biadab, tidak berakhlak," katanya.